

Corak kepimpinan OIC perlu dirombak — Dr. Shireen

KUALA LUMPUR 9 April — Corak kepimpinan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu dirombak setelah pertubuhan itu dilihat tidak lagi berperanan dalam mempertahankan hak dan kedaulatan negara ahli-ahlinya.

Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik Pakistan, Dr. Shireen M. Mazari berkata, sudah tiba masanya teraju utama OIC di pegang oleh pemimpin-pemimpin dari negara-negara bukan Arab.

Katanya, pemimpin-pemimpin negara Arab kini tidak lagi berupaya menggunakan kuasa yang ada untuk membuat keputusan dan memerintah negara mereka sendiri.

Mereka sebaliknya, kata beliau, begitu mudah diperalatkan dan mengikut sahaja segala kemahuan serta desakan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS).

Beliau menjelaskan, Malaysia yang akan menjadi Pengerusi Sidang Kemuncak OIC pa-

da bulan Oktober ini berpeluang membangkitkan isu tersebut.

Shireen berkata demikian ketika berucap pada seminar bertajuk Perhubungan Malaysia-Pakistan: Kajian dan Penilaian Untuk Masa Depan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL), di sini hari ini.

Menurut beliau, orang Islam bukan Arab seperti rakyat Malaysia dan Pakistan boleh bersatu serta bekerja sama

memperjuangkan isu-isu penting terutamanya pencerobohan kuasa besar ke atas Iraq.

"Melalui satu suara yang kuat, tekanan serta tentangan dapat diberikan kepada AS sekali gus mematahkan sebarang bentuk penindasan atau pencabulan," ujarnya.

Katanya, kini satu demi satu negara Islam dikuasai oleh AS ekoran tekanan yang diberikan atas alasan memeringi keganasan dan mahu menukar pemimpin sesebuah negara.